

TARIKH	14 / 9 / 2016	SEKSYEN	Pengalaman Tunai Haji
MUKA SURAT	41	RUANGAN	

# Peluang tunai haji ketika usia muda

Nurul Hasmida tak sangka dapat jejak kaki ke tanah suci bersama keluarga tercinta

KUALA LUMPUR - Mengerjakan ibadah haji pada usia muda menjadi impian setiap Muslim, apakah lagi dapat pergi bersama ibu bapa tercinta.

Bagi juruteknologi makmal, Nurul Hasmida Mohammad Suhaimi, 28, pengalaman mengerjakan ibadah haji pada 2012 menjadi detik terindah dalam hidupnya kerana berpeluang ke tanah suci pada usia 24 tahun.

Menurutnya, semuanya berlaku apabila ibu bapanya mendapat panggilan mengerjakan haji untuk kali kedua.

"Memang mak ayah dah niat kalau dapat peluang pergi sekali lagi, mereka nak bawa angah (kakak) yang juga seorang OKU, serta ibu saudara.

"Jadi mereka pun buat rayuan untuk angah dan makcik. Apabila dah dapat kelulusan, kami dimaklumkan angah perlu pengiring. Ketika itu puas juga mak ayah fikir siapa yang boleh iringi angah masa kat sana."

"Akhirnya along cadang meng-

apa tidak saya sendiri? Saya pun ketika itu tidak terfikir diri sendiri," kongsi dia.

Die berkata, persediaan dibuat dalam tempoh singkat.

"Paspot, perniagaan kesihatan, cuti haji diuruskan dalam tempoh tidak sampai sebulan. Kursus haji pun tidak pergi tapai Alhamdulillah sebab memang dah biasa tengok mak praktis di rumah, jadi dah biasa.

"Memang macam mimpi dapat pergi haji masa tu sebab ketika itu saya sendiri belum daftar haji.

Memang rezeki saya sebab memang impian saya nak pergi haji dengan mak dan ayah," katanya.

Ujarnya, dia bersyukur kerana segala urusan diper mudahkan ALLAH SWT.

"Masa sampai di sana, hati berdebar-debar tapi apabila melihat Kaabah, tak dapat nak gambarkan perasaan terharu dan bersyukur sebab macam tak percaya dapat pergi Makkah lebih-lebih lagi pada mu-

**“**Jadi mereka pun buat rayuan untuk angah dan makcik. Apabila dah dapat kelulusan, kami dimaklumkan angah perlu pengiring. Ketika itu puas juga mak ayah fikir siapa yang boleh iringi angah masa kat sana,”

- Nurul Hasmida

sim haji.

"Pengalaman yang saya tak dapat lupa ketika di sana apabila selalu dapat makanan percuma. Tengah duduk tunggu waktu solat tiba-tiba ada budak lelaki Arab bagi makanan, kadang-kadang jemaah dari negara lain duduk sebelah, hulu biskut-lah, kuihlah. Malah, pergi kedai pun selalu dapat kebab percuma. Mak kata, mungkin sebab saya suka belanja orang makan," ceritanya sambil tersenyum.



Nurul Hasmida merakamkan kenangan ketika berada di tanah suci Makkah mengerjakan ibadah haji pada 2012.